

Menerima keputusan ujian gen BRCA1 dan BRCA2 yang dikenali sebagai ‘varian yang tidak diketahui maksudnya (VUS)’

Lembaran Maklumat Pesakit (PIS-4)

Lembaran maklumat ini adalah untuk pesakit kanser yang menjalani ujian gen BRCA1 dan BRCA2. Keputusan ujian anda telah menunjukkan bahawa anda mempunyai variasi atau perubahan gen sama ada dalam gen BRCA1 atau BRCA2 yang tidak diketahui maksudnya.

Apakah makna keputusan ini bagi saya?

Keputusan ujian ini tidak jelas, dan oleh itu ia tidak membantu untuk rawatan semasa anda.

Maklumat tidak mencukupi untuk menentukan sama ada varian atau perubahan gen ini berkaitan dengan kanser anda pada masa ini. Varian sedemikian dalam gen BRCA1 atau BRCA2 adalah selalu dijumpai, dan kebanyakannya tidak meningkatkan risiko mendapat kanser. Kadangkala, anda mungkin dirujuk kepada pasukan genetik untuk menentukan sama ada tindakan lanjut diperlukan.

Sesetengah wanita yang menghidap kanser payudara atau ovari akan mempunyai varian yang tidak diketahui maksudnya (VUS) dalam gen BRCA1 atau BRCA2 yang terdapat dalam sampel mereka. Anda mungkin mahu membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut dengan pasukan kanser atau genetik anda jika anda mempunyai sejarah keluarga yang kuat menghidap kanser payudara, kanser ovari atau kanser lain, ataupun jika anda menghidap kanser pada usia muda diluar kelaziman.

Kepada siapa saya harus bercakap jika saya mempunyai soalan lanjut?

Kami memahami keputusan ini boleh menyebabkan ketidakpastian untuk anda dan ahli keluarga anda. Sila buat temu janji dengan pasukan kanser atau klinik genetik untuk membincangkan keputusan anda dengan lebih lanjut.